

## Profesor Suzana pangku tugas Naib Canselor UiTM

Oleh [Norzamira Che Noh](#) - Oktober 12, 2023 @ 8:58pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UiTM, Prof Datin Dr Suzana Sulaiman pada sidang media di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam, hari ini. - Foto NSTP/Faiz Anuar

SHAH ALAM: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Teknologi MARA (UiTM), Profesor Datin Dr Suzana Sulaiman akan menjalankan tugas naib canselor universiti itu berkuatkuasa hari ini.

Pendaftar UiTM, Muhamad Nizam Noordin berkata pelantikan itu dibuat susulan persaraan wajib penyandanganya, Profesor Datuk Dr Roziah Mohd Janor bermula hari ini.

Roziah memegang jawatan berkenaan sejak Ogos 2021 dan berkhidmat bersama universiti itu selama 33 tahun.

Untuk rekod, beliau adalah wanita pertama dilantik menjadi Naib Canselor UiTM yang memiliki 34 cawangan di seluruh negara dengan jumlah pelajar seramai 189,000 serta 18,000 kakitangan akademik dan pentadbiran.

"Sebelum naib canselor baharu dilantik, terdapat tatacara yang akan diikuti daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bermula dengan pengiklanan, saringan seterusnya ke proses di peringkat Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

"Proses itu kemudian terus ke peringkat kementerian dan sekarang ia (pemilihan naib canselor) sudah berada di peringkat itu kementerian.

"Kita serahkan kepada kementerian, yang mana di peringkat universiti, kita sudah mengikut tatacara dan proses yang perlu dilaksanakan dan ketika ini, Profesor Datin Dr Suzana menjalankan fungsi berkenaan sehingga naib canselor baharu dilantik," katanya pada sidang media di Dewan Agung Tuanku Canselor, di sini, hari ini.

Dalam sidang media sama, Suzana berkata UiTM akan mewujudkan sistem integrasi antara jabatan bertujuan mengelak kelewatan proses tuntutan bayaran balik bagi pemegang biasiswa langgar kontrak.

Menurutnya, sistem itu membabitkan tiga jabatan iaitu Bahagian Kemajuan Kerjaya, Undang-Undang dan Bendahari.

Katanya, selain itu skim potongan gaji ke atas kakitangan terbabit turut diteruskan dan sebahagian besar mereka sedang melalui proses berkenaan.

"Selain penambahbaikan proses dalaman, UiTM turut menilai semula prosedur penawaran kemudahan itu bagi penerima akan datang. Kami melihat dari segi tiga perspektif.

"Pertama, persediaan calon yang kita akan tawarkan biasiswa, staf berkenaan mesti mempunyai kriteria tertentu. Contoh, mereka mendapat geran atau ada pengalaman membuat penyeldikan, ada kertas cadangan.

"Kedua, kita tambah baik proses pemantauan terhadap staf berkenaan bersama penyelia mereka, supaya kita boleh memantau perkembangan dari awal hingga tamat pengajian.

"Salah satu penambahbaikan yang kita juga lihat adalah kita tidak memberi tempoh lanjutan. Sebagai contoh, kita beri empat tahun tiada pelanjutan. Jadi mereka perlu tahu, mereka perlu habiskan dalam tempoh tersebut," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, UiTM menanggung kerugian RM58.57 juta selepas ramai penerima biasiswa yang menandatangani perjanjian ke peringkat PhD dan sarjana gagal mencapai objektif ditetapkan.

Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi dilaporkan berkata audit pada 2021 mendapati, potensi kerugian UiTM terhadap ganti rugi belum tuntutan adalah berjumlah RM51.08 juta.

Mengulas lanjut, Suzana berkata penambahbaikan itu juga bagi memastikan calon-calon memohon kemudahan diberikan universiti itu lebih bersedia meneruskan pengajian di peringkat doktor falsafah (PhD).

Katanya, pemohon biasiswa bagi pengajian peringkat siswazah dari universiti berkenaan terdiri daripada kakitangan UiTM sendiri yang perlu melalui proses saringan ketat termasuk mempertahankan proposal kajian sebelum ditawarkan kemudahan berkenaan.